



11 AUG, 2023

## Dalami fardu ain elak terjebak



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Dalami fardu ain elak terjebak



Oleh MUHD AZMAN MOHD NAWI

UMAT Islam khususnya orang muda wajar mendalami ilmu fardu ain dalam usaha mengelak dari terjebak ke kancan sesat.

Kewajibahan menuntut ilmu khususnya ilmu agama bukanlah bersifat 'separa hayat', sebaliknya ia tuntutan sepanjang hayat. Perkara itu ditegaskan oleh **Pensyarah di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Siddiq Ahmad**

Jelasnya, secara ringkas asas Islam tertegak atas tiga perkara iaitu Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. Untuk menjadi hamba ALLAH yang sempurna, setiap Muslim perlu menyempurnakan ketiga-tiga asas tersebut dalam dirinya sehingga ia benar-benar teguh.

"Walaupun ketiga-tiga perkara itu menjadi asas agama, namun ia bukan berada pada kedudukan yang sama. Maksudnya, tahap keyakinan dan penghayatan ilmu ketiga-tiga rukun tersebut adalah berbeza. Jika disempurnakan ketiga-tiganya, barulah sempurna. Justeru, seorang yang mengaku Islam (Muslim), tidak



DR SIDDIQ AHMAD

semestinya dia beriman (Mukmin).

Sebaliknya, Dr Siddiq berkata, seorang Mukmin semestinya beragama Islam (Muslim). Manakala seorang Mukmin tidak semestinya mencapai tahap ihsan (Muhsin), namun seorang yang mencapai tahap ihsan semestinya seorang Muslim yang Mukmin.

Menurutnya lagi, semua ilmu yang berkaitan dengan asas agama ini dinamakan ilmu fardu ain dan ia bersifat tetap serta wajib dituntut sehingga sebat dalam diri.

"Apabila keadaan tersebut telah dicapai atau sekurang-kurangnya pada tahap Mukmin, maka individu itu akan dikurniakan al-furqan (pembeza) yang dapat membezakan antara perkara

hak dan batil sebagai maklum firman ALLAH menerusi surah al-Anfaal, ayat 29: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada ALLAH, nescaya DIA akan memberikan furqan (kemampuan membezakan antara yang hak dan batil) kepadaamu dan menghapus segala kesalahamu dan mengampuni (dos-a-dosa) mu. Dan ALLAH (sememangnya) memiliki kurnianya yang besar."

"Dengan wujudnya al-furqan tersebut, sudah pasti individu itu tidak akan mudah terpengaruh



USTAZ HUSAINI

dengan dakyah mahu pun anasir luar yang menyesatkan. Oleh itu, umat Islam perlu berusaha melengkapkan diri dengan mendalami ilmu fardu ain dengan merujuk para guru yang ikhlas dan beramal dengan ilmu mereka.

### Muslim perlu lebih tegas

Dalam pada itu, Si-Hulk atau Ahmadi Religion of Peace and Light amat galak menumpukan usaha penyebaran dakyah menggunakan pelbagai aplikasi media sosial. Malah setiap hari mengemasuki akaun Facebook, mereka dengan ajakan kesesatan. Seolah secara sengaja menyasar golongan muda yang diketahui umum sebagai majoriti pengguna media sosial.

### Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam), UITM Cawangan Kelantan, Ustaz Husaini Ab. Razab

berkongsi pandangan beliau tentang kaedah terbaik yang boleh diambil pihak berwajib bagi membendung gejala mungkar menerusi platform kegemaran ramai ini.

"Memang tidak dinafikan teknologi informasi dan media sosial amat memudahkan urusan sehari-hari. Tetapi perlu diingat maklumat yang diperoleh di media sosial perlu diselidiki atau 'tabayyun' (mencari pencerahan atau penjelasan yang wajar) terlebih dahulu. Penyebaran dakyah, maklumat palsu dan tidak sahih berleluasa yang memerlukan keperhatinan dan kebijaksanaan kita untuk menilai dan menanganinya.

"Golongan muda dan masyarakat awam perlu berhati-hati dan perlu tabayyun, tetapi pihak berautoriti agama juga perlu mengambil langkah dan tindakan yang sewajarnya bagi memastikan propaganda, dakyah, penyebaran fahaman dan pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Islam ini tidak berulang.

Beliau juga menyeru agar pihak autoriti agama memberikan perhatian yang maksimum kepada golongan muda.

"Kita bersetuju bahawa golongan muda ini taasub dengan media sosial, maka pihak berwajib hendaklah menggunakan media sosial untuk mendekati, memahamkan dan mengajak golongan muda kepada cara hidup Islam."

"Pelbagaiakan dan perbanyakkan wasilah penyebaran maklumat yang tepat dengan ajaran Islam dengan menggunakan platform yang diminati dan menjadi trend semasa golongan muda. Apa yang penting maklumat yang tepat dan benar tentang ajaran Islam sampai kepada golongan muda tersebut," tegasnya.

Ujar beliau, sekiranya timbul dakyah atau isu yang bertentangan dengan Islam, maka pihak bertanggungjawab wajah segera bertindak, jangan menunggu adanya laporan untuk mengambil tindakan.



BERPEGANG  
teguhlah dengan  
al-Quran dan  
as-Sunnah yang  
benar agar diri tidak  
tergelincir daripada  
landasan Islam.

### ANEKDOT

#### Kenali ciri-ciri ajaran sesat yang menyalahi pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah

- Mendakwa sebagai Tuhan.
- Mendakwa ALLAH SWT bersifat selain daripada apa-apa sifat yang selayaknya bagi-NYA.
- Mempercayai selain ALLAH SWT (makhluk) juga mampu mendatangkan sesuatu (manfaat dan mudarat).
- Mendakwa setiap musibah datang makhluk halus (jin dan syaitan).
- Mendakwa ALLAH SWT sebat di dalam diri (Wahdatul Wujud atau God Spot).
- Mendakwa terima wahyu.
- Mendakwa ghairah (tidak mati) dan akan muncul semula sebagai Imam Mahdi.
- Mendakwa tahu perkara-perkara ghairah.
- Mendakwa tahu bila kemunculan Imam Mahdi.
- Mendakwa tahu nasib seseorang.
- Mendakwa tahu huruf-huruf dalam kalimah tertentu mempunyai maksud yang tertentu.
- Mendakwa mampu berinteraksi dengan orang mati, jin, syaitan atau malaikat secara langsung; dan banyak lagi.

Sumber dan rujukan: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11439>



11 AUG, 2023

## Dalam fardu ain elak terjebak

---

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

UMAT Islam khususnya orang muda wajar mendalami ilmu fardu ain dalam usaha mengelak dari terjebak ke kancah ajaran sesat. Kewajiban menuntut ilmu khususnya ilmu agama bukanlah bersifat ‘separa hayat’, sebaliknya ia tuntutan sepanjang hayat. Perkara itu ditegaskan oleh Pensyarah di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Siddig Ahmad Jelasnya, secara ringkas atas tiga

perkara iaitu Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan.